

LAMPIRAN A: MUKASURAT DEPAN LAPORAN INOVASI



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



**LAPORAN INOVASI RICE SESI JUN2020
UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**TAJUK PROJEK:
DISCUSSION TABLE**

**JABATAN:
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**

NAMA & NO. MATRIKS	1. MUHAMMAD ARIEF DZIQRY BIN DZULKARNAIN (08DBK18F1047) 2. AINA NURSYAHIRAH BINTI AHMAD NIZAM (08DBK18F1041) 3. NUR AUNI ADRIANA BINTI JASMI (08DBK18F1065) 4. MUHAMMAD AMAL BIN ABDUL RAHIM (08DBK18F1075)
NAMA PENYELIA	1. FATIMAHWATI BT HAMZAH 2. TEO ENG YEAW


ISI KANDUNGAN

NO.	ITEM
1.	TAJUK REKACIPTA
2.	PENYATAAN DAN PUNCA MASALAH
3.	METODOLOGI PENYELIDIKAN
4.	CADANGAN PENYELESAIAN
5.	FAEDAH / KEBAIKAN
6.	CARA MENGIMPLEMENTASI / KAEDAH PENGGUNAAN
7.	KESIMPULAN
8.	LAMPIRAN

1.0 TAJUK REKACIPTA

Tajuk produk kami ialah "*Discussion Table*". Tujuan untuk melakukan produk tersebut kerana untuk memberi keselesaan dan keselamatan bagi para pelajar mahupun pensyarah untuk digunakan yang akan diletakkan di foyer Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA). Lapan buah kerusi telah disediakan untuk sebuah meja bagi menyenangkan pelajar untuk melakukan perbincangan sesama mereka.

Dari kajian awal yang kami jalankan, ia menunjukkan bahawa para pelajar perlukan meja yang selesa dan selamat. Kajian juga menunjukkan bahawa bilangan kerusi dan meja perlu ditambah. Rekabentuk produk pula akan ditumpukan pada aspek ergonomik. Terdapat 11 meja dan kerusi yang disediakan di foyer Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA). Anggaran jumlah pelajar boleh duduk di meja yang disediakan ialah 33 pelajar.



2.0 PERNYATAAN DAN PUNCA MASALAH.

PERNYATAAN MASALAH.

Dalam penyelidikan ini terdapat beberapa permasalahan yang diketengahkan oleh pengkaji di mana ianya perlu diberi penekanan terhadap penggunaan meja perbincangan sebagai perabot di Foyer Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA). Ini kerana masih terdapat kelemahan yang perlu di ambil perhatian terutama pada tahap keselesaan dan fungsi meja perbincangan itu semasa digunakan oleh semua pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA).



PUNCA MASALAH.

Antara permasalahan yang dibangkitkan adalah:

- 1) Ruang meja untuk membuat perbincangan secara berkumpulan adalah sangat Terhad di mana boleh membataskan pergerakan tangan dan tempat duduk untuk melakukan sebarang aktiviti seperti belajar secara berkumpulan.
- 2) Ruang meja dan kerusi di foyer JKA amatlah kurang bersesuaian untuk dijadikan Sebagai tempat untuk melakukan perbincangan disebabkan penggunaan meja Yang sedia ada di foyer JKA menggunakan bangku panjang.
- 3) Penggunaan mekanikal yang kurang sesuai pada bahagian permukaan meja yang kecil menyebabkan ianya tidak dapat digunakan dengan sebaiknya.
- 4) Penggunaan material yang tidak sesuai menyebabkan jangka hayat meja di foyer JKA terlalu singkat terutama pada bahagian permukaan meja mengalami kerosakan.

3.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN.

Metodologi merupakan cara atau kaedah yang akan digunakan dalam penyelidikan disamping teknik-teknik yang mungkin digunakan untuk mendapatkan data perlu dinyatakan sepanjang tempoh kejian yang dijalankan. Sepanjang tempoh penyelidikan yang telah dijalankan, beberapa cara digunakan bagi mendapat sumber data yang diperlukan, dan ianya boleh dikategorikan kepada dua iaitu daripada kuantitatif dan kualitatif.

1. Kuantitatif

- **Soal Selidik.**

Kaedah ini digunakan dengan menyediakan borang soal selidik, di mana mengandungi soalan yang berkaitan dengan pembelajaran serta mengenai penilaian terhadap perabot yang sedia ada. Selain itu, turut menyediakan soalan mengenai pendapat pelajar terhadap meja dan kerusi yang digunakan. Tujuan borang soal selidik ini diedarkan adalah untuk mendapat reaksi pengguna terhadap sesuatu perabot atau produk yang digunakan, adalah fungsinya sudah memuaskan atau masih perlu diperbaiki bagi meningkatkan kualitinya dari segi penggunaan, fungsi dan reka bentuknya.

Semasa penyelidikan yang dijalankan, sebanyak 120 salinan borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar. Pelajar merupakan pengguna golongan utama yang menggunakan meja dan kerusi di foyer Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) tersebut. Oleh demikian, mereka dapat memahami dan mengetahui apakah kelemahan yang terdapat pada meja dan kerusi di foyer JKA. Dengan cara ini dapat memperbaharui meja perbincangan di foyer JKA untuk keselesaan kepada para pelajar yang sedang melakukan aktiviti secara berkumpulan.



2. Kualitatif

● **Pemerhatian.**


Kaedah yang digunakan dengan melihat segala perlakuan dan perbuatan pelajar yang menggunakan perabot meja dan kerusi di foyer JKA. Di sini pengkaji akan melihat apakah permasalahan yang akan berlaku atau sedang berlaku sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Pengkaji akan menggunakan alat digital bagi merekodkan imej atau gambaran yang boleh dijadikan bukti terhadap permasalahan yang telah dibangkitkan.

Alat digital yang digunakan semasa penyelidikan ialah kamera digital. Menggunakan kamera digital dapat memberi gambaran dengan lebih tepat.

● **Pengalaman Sendiri.**

Pengkaji juga mengalami masalah yang sama dengan pelajar apabila menggunakan meja dan kerusi di foyer JKA kurang berkonsepkan ergonomik dan sukar untuk melakukan perbincangan dengan lama. Dari segi ini pengkaji dapat mengeluarkan idea dengan membuat meja perbincangan yang unik kepada pelajar. Meja perbincangan ini diilhamkan dengan satu meja dan lapan kerusi dalam satu set.

Kesemua metodologi di atas membantu menghasilkan maklumat yang penting dalam pengumpulan data yang bakal dianalisis untuk dijadikan sumber rujukan bagi mencapai kesepadanan reka bentuk kerusi dan meja di foyer Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA).



4.0 CADANGAN


Cadangan mengadakan projek meja pembincangan ini adalah untuk menggantikan meja perbincangan yang berada di foyer JKA dengan projek meja ini bagi menambahbaikkan sedia ada. Projek meja perbincangan ini diletakkan di foyer JKA akan memudahkan pelajar dan pensyarah untuk mengadakan sesi perbincangan sesama mereka dengan mudah tanpa mengenakan duduk jarak jauh antara mereka. Projek meja ini mempunyai permukaan atas yang luas bagi menyenangkan pelajar mahupun pensyarah untuk melakukan perbincangan. Tambahan, meja ini menyediakan 8 buah kerusi untuk menambahkan bilangan pelajar mahupun pensyarah untuk satu "*Discussion Table*".

5.0 KEBAIKAN / FAEDAH

Kebaikan atau faedah yang dapat pada projek meja perbincangan ini adalah pelajar dan pensyarah di Jabatan Awam dapat menggunakan bagi sesi pembelajaran di luar kelas ataupun pelajar dapat membuat pembincangan antara kumpulan di dalam satu group dimana dalam kumpulan itu tidak ada berdiri dalam proses pembincangan itu. Pelajar juga mampu membuat perbincangan dalam suasana bising mengikut keselesaan pelajar.

6.0 CARA MENGINPLEMENTASI / KAEDAH PENGGUNAAN

Kami akan meletakkan produk kami iaitu "Discussion Table" di foyer Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) untuk kegunaan ramai.



Layout Foyer JKA

Layout di atas menunjukkan bahawa terdapat 11 meja yang ada di foyer. Tetapi hanya beberapa buah meja saja yang ada dalam keadaan yang baik. Kuantiti kerusi pula tidak cukup untuk para pelajar mahupun pensyarah untuk melakukan perbincangan.

Produk kami pula menyediakan meja dengan keluasan yang besar. Kami juga menyediakan 8 buah kerusi untuk satu meja supaya para pelajar boleh menjalankan aktiviti perbincangan dengan selesa.

7.0 KESIMPULAN


Kesimpulannya, meja perbincangan perlu ada di sektor-sektor pendidikan seperti institut tinggi dan sekolah-sekolah, meskipun di pejabat. Hal ini demikian kerana, mudah untuk berkomunikasi, berbincang atau bertukar pendapat. Oleh itu, kami berharap projek kami dapat menampung lebih ramai pelajar untuk duduk dan berbincang. Kami juga berharap para pelajar juga rasa selesa dengan kemudahan yang telah disediakan.

8.0 LAMPIRAN

SOAL SELIDIK

Meja di foyer JKA berada dalam keadaan yang baik.


120 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

Kerusi di foyer JKA berada dalam keadaan yang baik.


120 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

Adakah meja dan kerusi perlukan pembaharuan?

120 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

LUKISAN PRODUK

